

Majlis KONVOKESYEN

انسنيوت كماهيرن اسلام دار الرضوان

3

INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM DARUL RIDZUAN

PANDUAN DAN PERATURAN *Graduan*

MAJLIS KONVOKESYEN IKDAR KALI KE-03
ADALAH BAGI MERAIKAN GRADUAN YANG TELAH
BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN DI IKDAR.

PANDUAN INI MENGANDUNGI TATACARA
MAJLIS KONVOKESYEN IKDAR KALI KE-03 SECARA BERSEMUKA,
PENGAMBILAN SKROL DAN SESI FOTOGRAFI GRADUAN.

TAHNIAH, diucapkan kepada para graduan Institut Kemahiran Islam Darul Ridzuan (IKDAR) yang telah disahkan Lulus oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/ Diploma Kemahiran Malaysia.

1. **TARIKH PELAKSANAAN**

Graduan akan mengisi borang kehadiran beserta pembayaran melalui pautan yang diberi. Graduan yang hadir lewat dari tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan di dalam Jadual Majlis Konvokesyen atau tidak mematuhi peraturan pakaian menghadiri Majlis Konvokesyen tidak akan dibenarkan menyertai majlis. Tarikh perlaksanaan Majlis Konvokesyen IKDAR 2026 adalah seperti berikut (Tertakluk kepada perubahan).

BIL	PERKARA	LOKASI	TARIKH	MASA
1.	Raptai Konvokesyen	Hotel Taiping Perdana, Taiping	13 Februari 2026 (Jumaat)	06:00 Petang
2.	Majlis Konvokesyen		14 Februari 2026 (Sabtu)	07:30 Pagi

PROGRAM-PROGRAM TERLIBAT BAGI MAJLIS KONVOKESYEN IKDAR KALI KE 03

BIL	PROGRAM
1.	Diploma Kemahiran Malaysia Pengajaran Tahfiz
2.	Diploma Kemahiran Malaysia Pengurusan Pentadbiran

**ATURCARA MAJLIS KONVOKESYEN INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM DARUL RIDZUAN
(IKDAR) KALI KE 03**

MASA

PERKARA

13 Februari 2026 (Sabtu)

4:00 petang 6:00 petang	Pengambilan Jubah Raptai
----------------------------	-----------------------------

14 Februari 2026 (Sabtu)

9:00 pagi 9:15 pagi 9:30 pagi 9:45 pagi 10:00 pagi 10:15 pagi 10:30 pagi 10:40 pagi 11:15 pagi 11:35 pagi 12:10 tengahari 12:30 tengahari 12:50 tengahari 01:00 petang	Ketibaan VIP dan Tetamu Kehormat Graduan dan Ibu Bapa Mengambil Tempat di dalam Dewan Ketibaan : • Pengurusan Tertinggi IKDAR • Tetamu Kehormat • Lembaga Penasihat Institusi & Jawatankuasa Penasihat Akademik dan Industri Majlis dimulakan dengan: • Lagu Negaraku • Lagu Negeri Perak • Asma Ul Husna Bacaan Doa Bacaan Alunan Ayat Suci Al-Quran Ucapan daripada YBrs. Dr. Muhammad Faizal Bin Tahiruddin Rektor (IKDAR) Ucapan Perasmian oleh Prof. Madya Dato' Haji Muhammad Asri Bin Haji Abdullah Pengerusi LPI Tayangan Video Korporat dan Pencapaian 2025 Majlis Penganugerahan Kecemerlangan : • Anugerah Pingat Emas • Anugerah Lembaga Pengarah Institusi • Anugerah Khas Rektor • Anugerah Dekan Persembahan 1 Pengurniaan Pensijilan kepada Graduan • Diploma Kemahiran Malaysia Pengajaran Tahfiz • Diploma Kemahiran Malaysia Pengurusan Pentadbiran Persembahan 2 Pengurniaan Pensijilan kepada Graduan : • Senarai Dekan • Sijil Tahfiz Negeri Perak • Sijil Khatam Al-Quran • Sijil (SPM) Ucapan Wakil Graduan Makluman penutup, sesi bergambar dan jemputan menjamu selera.
---	---

****TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN SEMASA

2. PENGESAHAN KEHADIRAN

2.1 Pengesahan kehadiran graduan ke Majlis Konvokesyen IKDAR 2026 hendaklah dibuat secara dalam talian (online) melalui QR yang akan diberikan mengikut kategori pelajar **pada ATAU SELEWAT-LEWATNYA 13 Januari 2026 (Selasa)**. Setiap pengesahan perlu dimuatnaik dengan dokumen berikut:

- i. Gambar bersaiz Pasport



3. BAYARAN GRADUAN

3.1 Semua graduan yang layak mendapat penganugerahan dikehendaki membayar yuran konvokesyen seperti berikut:

PERKARA	JUMLAH BAYARAN
Yuran Konvokesyen	RM400.00
Yuran Kehadiran Ibu Bapa / Penjaga / Ahli Keluarga Pelajar	RM45.00/orang

3.2 Yuran Majlis Konvokesyen setiap graduan termasuklah majlis makan malam Alumni, pengambilan jubah, makan tengahari pelajar, gambar dan sijil graduan (tidak termasuk penginapan pelajar).

3.3 Graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen **WAJIB** membuat pembayaran, dan sebarang bayaran penyertaan yang telah dibuat **tidak akan dikembalikan** sekiranya graduan tidak dapat menghadiri Majlis Konvokesyen tersebut.

- 3.4 Graduan yang **tidak menghadiri** majlis konvokesyen perlu membayar seperti ketetapan di bawah :

PROGRAM	JUMLAH BAYARAN
Diploma Kemahiran Malaysia	RM 240.00

- 3.5 Pembayaran tersebut adalah tujuan **pengesahan tamat pengajian, sijil/transkrip dan pendaftaran alumni IKDAR.**

4. KAEDAH BAYARAN YURAN KONVOKESYEN

- 4.1 Pindahan Bank / *Internet Banking Transfer*

BANK	CIMB Bank
PENAMA	Ikdar Holding Sdn. Bhd
NOMBOR AKAUN	860 329 7713

- 4.2 Diminta ibubapa/ penjaga / pelajar melengkapkan butiran seperti di bawah semasa membuat bayaran pindahan bank @ *Online*.

Reference	Nombor Matrik
Detail	Yuran Konvo 2026

- **Bukti bayaran hendaklah diemelkan ke finance@ikdar.edu.my (Nyatakan nama penuh pelajar)**

- 4.3 **Tarikh akhir pembayaran Yuran Majlis Konvokesyen adalah pada 31 Januari 2026 (Sabtu).**

5. BAYARAN HUTANG DAN TUNGGAKAN YURAN

- 5.1 Graduan diminta menyemak **baki yuran tertunggak dan membuat bayaran hutang** melalui sistem FPX iaitu **Parent Portal** (www.ikdar.edu.my, E-Penjaga)
- 5.2 **Tarikh akhir pembayaran** hutang dan yuran tertunggak adalah **pada 31 Januari 2026 (Sabtu)**.
- 5.3 Pelajar yang gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan **tidak akan dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen** dan urusan Penganugerahan Sijil boleh terjejas.

6. TATACARA MAJLIS

6.1 Raptai

- 6.1.1 Raptai diadakan pada tarikh dan waktu seperti mana yang tercatat di surat jemputan graduan.
- 6.1.2 Semua graduan adalah diwajibkan untuk menghadiri majlis raptai tersebut.
- 6.1.3 Pakaian raptai hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek.
- 6.1.4 Graduan adalah dilarang memakai seluar jeans, selipar dan kemeja-T semasa raptai.
- 6.1.5 Graduan diminta memaklumkan kepada ibu bapa/tetamu supaya berpakaian kemas dan tertib yang bersesuaian untuk majlis rasmi

6.2 **Majlis Konvokesyen**

- 6.2.1 Majlis akan diadakan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat di surat jemputan graduan.
- 6.2.2 Maklumat yang perlu dibawa semasa pendaftaran konvokesyen ialah
 - i. Surat jemputan graduan
 - ii. Kad pengenalan
- 6.2.3 Tanpa surat jemputan majlis konvokesyen atau kad pengenalan, graduan tidak dibenarkan mendaftar untuk menyertai majlis ini.
- 6.2.4 IKDAR berhak menahan atau melarang Graduan yang tidak mendaftar daripada menyertai majlis ini.
- 6.2.5 Graduan yang hadir lewat dari tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan di dalam Jadual Majlis Konvokesyen atau tidak mematuhi peraturan pakaian menghadiri Majlis Konvokesyen tidak akan dibenarkan menyertai majlis.
- 6.2.6 Semasa majlis sedang berlangsung Graduan diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising.
- 6.2.7 Graduan tidak dibenarkan membawa masuk barang-barang persendirian seperti beg, kamera, telefon bimbit, alat kelui (*Pager*) atau sebagainya ke dalam Dewan Konvokesyen.
- 6.2.8 Graduan kurang upaya (mengandung, cacat atau kemalangan) yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan kepada pihak IKDAR semasa mengemukakan Borang Pengesahan Kehadiran Konvokesyen atau memaklumkan kepada staf bertugas semasa hari raptai.
- 6.2.9 Graduan dilarang meninggalkan dewan semasa majlis sedang berlangsung.

6.3 Kuasa Institusi

- 6.3.1 Graduan hendaklah mematuhi syarat dan peraturan yang dinyatakan di atas bagi membolehkan penyertaan ke Majlis Konvokesyen ini.

7. PENGAMBILAN/PEMULANGAN JUBAH

- 7.1 Setiap Graduan dikehendaki mengambil pakaian-pakaian seperti jubah dan 'mortarboard'.
- 7.2 Kaedah Peminjaman Jubah Konvokesyen
- 7.2.1 Surat jemputan ke Majlis Konvokesyen hendaklah dikemukakan semasa meminjam jubah konvokesyen. (Sila bawa bersama slip bayaran/slip bank sekiranya diperlukan)
- 7.2.2 Mengambil Jubah yang telah **DIKHASHKAN SAHAJA** dan **TIDAK DIBENARKAN BERKONGSI JUBAH**. Pastikan saiz yang dinyatakan di dalam *google form* adalah tepat.
- 7.2.3 Graduan boleh mewakili kepada orang lain dalam urusan pengambilan jubah konvokesyen dengan menggunakan surat wakil (Lampiran B).
- 7.3 Tempoh Pemulangan Jubah Konvokesyen
- 7.3.1 Jubah konvokesyen hendaklah dipulangkan sebaik sahaja selesai menerima penganugerahan sehingga jam **04.00 petang**.
- 7.3.2 Pelajar perlu memulangkan semula jubah dalam keadaan baik seperti mana diterima dan jika tidak lengkap atau kelewatan pemulangan jubah Konvokesyen akan dikenakan caj sebanyak **RM 150.00**.

7.4 Pengubahsuaian/Kerosakan/Kekotoran pada Jubah Konvokesyen

7.4.1 Graduan tidak dibenarkan sama sekali membuat pengubahsuaian (seperti menjahit lengan atau mengubah kadar labuh jubah) ke atas jubah konvokesyen.

8. FOTOGRAFI GRADUAN

8.1 Pihak IKDAR menyediakan jurugambar khas untuk mengambil gambar semasa graduan menerima diploma/sijil/transkrip. Setiap graduan akan disediakan dengan gambar yang akan dicetak. Penyerahan gambar tertakluk kepada jurugambar yang disediakan. (Tertakluk kepada perubahan).

9. IBU BAPA/TETAMU

9.1 Graduan diwajibkan membuat bayaran pas ibu bapa bagi mendapatkan pas masuk ibu bapa atau tetamu ke Majlis Konvokesyen, tertakluk kepada jumlah pas masuk sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 3.1.

9.2 Tetamu yang berumur di bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dewan.

9.3 Ibu bapa/tetamu adalah diminta supaya mengambil tempat duduk di dalam dewan sebelum jam 08.00 pagi.

9.4 Ibu bapa/tetamu hendaklah berpakaian rasmi seperti berikut:

9.4.1 Pakaian tetamu lelaki

- i. Kebangsaan atau
- ii. Batik atau 'Lounge Suit' atau
- iii. Pakaian rasmi yang sesuai (seluar jeans dan kemeja-T
TIDAK DIBENARKAN)

9.4.2 Pakaian tetamu wanita

- i. Kebangsaan atau;
- ii. Pakaian rasmi atau;
- iii. Pakaian sopan (pakaian gaun atau 'skirt' yang tidak melebihi paras lutut ['skirt' pendek], 'blouse' tanpa lengan, kemeja-T dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN**)



- 9.5 Semasa majlis sedang berlangsung ibu bapa/tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising. Ibu bapa/tetamu juga dilarang meninggalkan dewan semasa majlis konvokesyen sedang berlangsung.
- 9.6 Ibu bapa/tetamu diminta mengikut peraturan dan SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak urusetia konvokesyen sepanjang majlis berlangsung.

10. ETIKA PAKAIAN GRADUAN

10.1 Pakaian hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis.

10.1.1 Pakaian dan rupa diri graduan lelaki

- i. Graduan mestikan memakai, **seluar slack berwarna hitam/gelap, kemeja lengan panjang berwarna putih, bertali leher; atau berbaju melayu hitam lengkap bersampin, kasut bertutup berwarna hitam, bersongkok** bagi semua graduan
- ii. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek
- iii. Dikehendaki memakai **kasut bertutup berwarna hitam** yang bersih dan bersesuaian untuk majlis rasmi.
- iv. Graduan tidak dibenarkan:
 - Memakai tali bow (*bow tie*)
 - Memakai seluar jeans
 - Memakai subang telinga dan gelang tangan
 - Mewarnakan rambut
 - Berambut panjang (mencecah kolar baju)
 - Memakai 'sandal' atau kasut sukan

10.1.2 Pakaian dan rupa diri graduan wanita

- i. Pakaian Graduan wanita ialah pakaian **BAJU KURUNG, atau PAKAIAN LABUH WARNA BEBAS**. Pakaian daripada kain jenis jarang (nipis) adalah dilarang. (**Pakaian berbentuk seluar adalah tidak dibenarkan sama sekali**).
- ii. Dikehendaki memakai **kasut bertutup berwarna hitam/gelap** yang bersesuaian, selipar ataupun 'sandal' tidak dibenarkan sama sekali.

PARA GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPADIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK URUSETIA KONVOKEYEN IKDAR 2026 MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN



11. GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKEYEN

11.1 Pengambilan Diploma/Sijil/Transkrip secara sendiri di kaunter. Sila bawa dan kembalikan perkara tersebut di bawah:

- i. Kembalikan jubah konvokesyen IKDAR
- ii. Bawa kad pengenalan/kad matrik (tanpa kad pengenalan/matrik, diploma/sijil tidak akan diserahkan kepada graduan)
- iii. Bawa bersama Borang Pengambilan / Pemulangan Jubah

11.2 Kebenaran wakil mengambil diploma/sijil/transkrip di kaunter. Sila patuhi perkara berikut:

- i. Sertakan salinan Kad Pengenalan.
- ii. Serahkan Kad Pengenalan.
- iii. Serahkan **Slip Pengesahan Pemulangan Jubah Konvokesyen** (sekiranya berkaitan)
- iv. Serahkan **salinan slip pembayaran bank** (jika diperlukan).

Catatan: Tanpa Borang Kebenaran Wakil Mengambil Diploma/Sijil/Transkrip Bagi Pihak Graduan dan Salinan Kad Pengenalan graduan, diploma/sijil/transkrip tidak akan diserahkan kepada wakil.

11.3 Diploma/Sijil/Transkrip yang tidak dituntut akan terus disimpan oleh pihak IKDAR. Walau bagaimanapun, pihak IKDAR tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas diploma/sijil/transkrip tersebut.

11.4 Penahanan Diploma/Sijil/Transkrip tidak akan dikeluarkan sekiranya Graduan masih:

- i. Tidak menjelaskan bayaran konvokesyen; atau
- ii. Belum memulangkan jubah konvokesyen ; atau
- iii. Belum memulangkan buku Perpustakaan; atau
- iv. Belum memulangkan barang-barang atau alatan lain yang dipinjam dari mana-mana Bahagian/bengkel di IKDAR
- v. Sebarang tunggakan semasa tempoh pengajian

12. PENGINAPAN

12.1 Graduan yang ingin membuat tempahan penginapan di Hotel Taiping Perdana memaklumkan kepada pihak hotel sebagai graduan IKDAR.

13. HAL-HAL LAIN

13.1 Sila bawa bersama buku panduan ini semasa menghadiri majlis konvokesyen.

13.2 Sebarang pertanyaan mengenai majlis konvokesyen, sila hubungi talian kami 05-808 1101 atau emel ke convocation.ikdar@gmail.com

13.3 Sebarang maklumat akan dikongsikan di dalam whatsapp Konvokesyen IKDAR kali ke 03.



**SENARAI SEMAK
GRADUAN MAJLIS
KONVOKESYEN KE-03**

INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM DARUL RIDZUAN (IKDAR)

TEMPAT : HOTEL TAIPING PERDANA, TAIPING PERAK

BIL	PERKARA	CATATAN
1	Melayari laman web rasmi IKDAR untuk mengetahui info semasa	
2	Membuat pengesahan kehadiran graduan pada atau selewat-lewatnya 13 Januari 2026 (Selasa).	
3	Membuat bayaran bagi kehadiran sesi Konvokesyen IKDAR di akaun CIMB Bank IKDAR Holding Sdn. Bhd pada atau selewat-lewatnya 31 Januari 2026 (Sabtu)	
4	Membuat semakan jadual peminjaman dan pemulangan set pakaian konvokesyen.	
5	Mencetak dokumen berikut bagi : GRADUAN i. Surat Jemputan Graduan ii. Borang Peminjaman Set Pakaian Konvokesyen WAKIL GRADUAN i. Borang Wakil Peminjaman Set Pakaian Konvokesyen ii. Salinan Kad Pengenalan Graduan iii. Salinan Kad Pengenalan Wakil Graduan	
6	Hanya GRADUAN dan TETAMU (yang membuat membayar yuran kehadiran ibu/bapa/penjaga) sahaja dibenarkan masuk ke dewan.	
7	Membuat pemulangan set pakaian konvokesyen pada 14 Februari 2026 (Sabtu) pada atau selewat-lewatnya jam 4.00 petang	
8	Pengambilan sijil dan transkrip akademik	



**BORANG PENGAMBILAN PENGAMBILAN/PEMULANGAN JUBAH
MAJLIS KONVOKEYEN INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM DARUL RIDZUAN
(IKDAR) KALI KE 03**

PENGAMBILAN JUBAH

MAKLUMAT GRADUAN

NAMA :
No Kad Pengenalan :
No telefon : Email :
Program :

Saya mengakui telah menerima jubah Konvokesyen dalam keadaan baik dan sempurna pada tarikh

Tandatangan Graduan atau wakil:

Tarikh :

.....



**BORANG PENGAMBILAN PENGAMBILAN/PEMULANGAN JUBAH
MAJLIS KONVOKEYEN INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM DARUL RIDZUAN
(IKDAR) KALI KE 03**

PEMULANGAN JUBAH

NAMA :
No Kad Pengenalan :

Saya mengakui telah menerima semula jubah Konvokesyen dalam keadaan baik dan sempurna pada tarikh

Tandatangan :

Nama pegawai :

Tarikh :